

MAJLIS ANUGERAH GRADUAN CEMERLANG PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA & PROGRAM KERJASAMA

Pada 27 April 2018, UTMSPACE telah mengadakan Majlis Anugerah Graduan Cemerlang Program Pengajian Separuh Masa & Program kerjasama Sempena Konvokesyen ke-60 Universiti Teknologi Malaysia yang telah diadakan di Impiana Hotel Johor Bahru. Terdapat tiga kategori anugerah yang diberikan pada hari tersebut iaitu Anugerah Dekan dimana seramai empat graduan bagi program Diploma dan 75 graduan bagi program Sarjana Muda telah menerima anugerah tersebut.

Hadiah Akademik UTMSPACE telah diterima oleh empat orang graduan daripada program Diploma dan 26 graduan daripada program Sarjana Muda telah menerima hadiah tersebut.

Manakala Hadiah Khas UTMSPACE pihak pengurusan telah menyediakan dua kategori dan antaranya ialah Kategori Suami Isteri di mana seramai 18 graduan telah menerima anugerah tersebut dan Kategori Orang Kelainan Upaya (OKU) yang seramai lima orang penerima telah menerima anugerah tersebut. Hadiah hadiah telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE Prof. Ir. Dr. Azraai Bin Kassim serta Dekan UTMSPACE



Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE Prof Ir. Dr Azraai Bin Kassim sedang memberi ucapan aluan kepada graduan yang berjaya



Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif UTMSpace Prof Ir. Dr Azraai Bin Kassim menyampaikan salah seorang graduan OKU cemerlang.



Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif UTMSpace Prof Ir. Dr Azraai Bin Kassim menyampaikan medal kepada graduan pasangan suami isteri cemerlang.





Yang Berbahagia Dekan UTMSpace Prof. Dr Othman Bin Che Puan menyampaikan medal kepada graduan yang berjaya



STATISTIK GRADUAN PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA SEMPERNA MAJLIS KONVOKESYEN KE-60 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Bersempena dengan Majlis Konvokesyen ke-60 Universiti Teknologi Malaysia, seramai 532 orang graduan dari Program Pengajian Separuh Masa telah menerima penganugerahan pada majlis kali ini. Mereka adalah terdiri daripada 493 graduan Program Sarjana Muda dan 39 graduan Program Diploma UTM.

Di bawah ini adalah statistik graduan Program Pengajian Separuh Masa yang dikendalikan oleh UTMSPACE bersempena dengan Majlis Konvokesyen ke-60 Universiti Teknologi Malaysia :

PERINGKAT	FAKULTI	FAKULTI	PROGRAM	JUMLAH GRADUAN		
SARJANA MUDA	KEJURUTERAAN	FBME	SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (BIO - PERUBATAN)	4	4	
		FKA	SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (AWAM)	82	82	
		FKE	SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK)	70	70	
			SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK - ELEKTRONIK)	0	0	
		FKM	SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (MEKANIKAL)	51	51	
		FKT	SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KIMIA)	4	13	
			SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (PETROLEUM)	9		
		SAINS GUNAAN	FAB	SARJANA MUDA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH	17	63
				SARJANA MUDA SAINS (PEMBINAAN)	14	
				SARJANA MUDA SENIBINA	4	
	SARJANA MUDA SENIBINA LANDSKAP			9		
	SARJANA MUDA UKUR BAHAN			19		
	FIGHT		SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (GEOMATIK)	1	14	
			SARJANA MUDA SAINS (PENGURUSAN HARTA TANAH)	7		
			SARJANA MUDA SAINS (PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN TANAH)	6		
	FS		SARJANA MUDA SAINS (KIMIA INDUSTRI)	2	2	
			SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK INDUSTRI)	0		
	FP	SARJANA MUDA SAINS DAN KOMPUTER SERTA PENDIDIKAN (MATEMATIK)	3	3		

			SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)	0			
			SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)	0			
			SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK)	0			
			SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN (KEMAHIRAN HIDUP)	0			
		FC	SARJANA MUDA SAINS (KOMPUTER)	0		78	
			SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN)	33			
			SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (GRAFIK & MULTIMEDIA)	6			
			SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (RANGKAIAN & KESELAMATAN KOMPUTER)	39			
		SASTERA / IKHTISAS	FM	SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)		7	110
				SARJANA MUDA PENGURUSAN (TEKNOLOGI)		35	
SARJANA MUDA SAINS (PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA)	68						
DIPLOMA		FP	DIPLOMA SAINS SERTA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)	3	3		
		SPACE	DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM	14	39		
			DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA)	7			
			DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL	6			
			DIPLOMA PENGURUSAN HARTA TANAH	1			
			DIPLOMA PENGURUSAN TEKNOLOGI (PERAKAUNAN)	4			
			DIPLOMA SAINS KOMPUTER (TEKNOLOGI MAKLUMAT)	6			
			DIPLOMA UKUR BAHAN	1			
JUMLAH KESELURUHAN GRADUAN				532			



2018 INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON LIFELONG LEARNING (ISLLE 2018)

Buat julung kalinya UTMSPACE telah menganjurkan Simposium Antarabangsa Pembelajaran Sepanjang Hayat (ISLLE) 2018 pada 24 hingga 25 April 2018 di UTM Kuala Lumpur. Ia dianjurkan bersempena dengan ulang tahun UTMSPACE yang ke 25. Seramai 350 orang peserta telah menyertai symposium tersebut. Simposium ini telah disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia dan Sekolah Pendidikan Profesional dan Berterusan Hong Kong University (HKU).

Beberapa tokoh pendidikan telah dijemput untuk menyampaikan pembentangan mereka di symposium ini. Objektif ISLLE 2018 adalah untuk membincangkan isu – isu dan cabaran yang berkaitan dengan pembelajaran sepanjang hayat. Simposium ini juga telah membincangkan tentang amalan yang terbaik untuk menggalakan lebih ramai lagi untuk menimba ilmu dalam pembelajaran sepanjang hayat. Ia juga membincangkan tentang peranan – peranan bagi merangsang kerjasama antara penyedia pembelajaran sepanjang hayat, agensi kerajaan, industri dan komuniti.



YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah menyampaikan ucap tama dan merasmikan simposium.



Sebahagian daripada peserta simposium.



Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Program Asasi UTM.

Pada 26 April, 2018, UTMSPACE telah mengadakan sesi pendaftaran dan sambutan pelajar baharu bagi Program Asasi UTM di Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan (FBME) UTM. Pendaftaran ini adalah untuk pengambilan bagi sesi Mei 2018. Seramai 150 pelajar telah hadir mendaftar pada hari tersebut. Kebanyakan mereka adalah pelajar lepasan SPM 2017.

Majlis ini dirasmikan oleh Dekan UTMSPACE Ybhg. Prof. Dr. Othman Bin Che Puan. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua pelajar yang telah terpilih untuk melanjutkan pengajian di UTM. Dalam ucapannya lagi, beliau menasihatkan kepada semua pelajar agar bersedia untuk menghadapi cabaran yang akan mereka lalui sepanjang tempoh pengajian. Dalam sesi tersebut, Yang berbahagia dekan telah meluangkan masa untuk menjawab beberapa soalan daripada ibu bapa pelajar yang hadir.

Manakala pada 27hb April pula, sesi orientasi bagi pelajar baharu Program Asasi UTM telah diadakan di Dewan Astana Kolej Tuanku Canselor UTM. Ia bertujuan untuk mendedahkan para pelajar ke persekitaran dan kejuruteraan universiti serta mengenali rakan sepengajian yang telah dipilih ke dalam program. Dalam sesi orientasi tersebut, pelbagai aktiviti telah dijalankan dan sedikit sebanyak ia mampu memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan persekitaran dan suasana pembelajaran di UTM.



Senamrobik UTMSPACE.

Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKEB) UTMSPACE telah memulakan program Senamrobik UTMSPACE pada 8 April yang lalu. Acara ini telah melibatkan kesemua kakitangan UTMSPACE di Johor Bahru. Ia merupakan acara bulanan yang di adakan pada setiap hari Ahad minggu pertama pada setiap bulan. Pihak KESUKEB telah mendapatkan tenaga pengajar senamrobik daripada Unit Sukan UTM.



HARI PENDAFTARAN TERBUKA PROGRAM ASASI & PROGRAM DIPLOMA

UTMSPACE telah mengadakan Hari Pendaftaran Terbuka Program Asasi dan Program Diploma di lokasi – lokasi utama di seluruh negara. Lokasi pendaftaran telah dimulakan di Institut Latihan FAMA, Kota Bahru, Kelantan pada 13 April 2019. Ia merupakan lokasi pertama di kawasan Pantai Timur di dalam siri pendaftaran terbuka ini. Manakala pada 14 April 2018 pula pendaftaran telah dibuat di ILP Kuala Terengganu Kuala Nerus, Terengganu. Manakal pada 15 April 2018, para krew pendaftaran terbuka UTMSPACE telah ke Kolej Yayasan Pahang Kuantan, Pahang dan merupakan lokasi terakhir dalam siri jelajah pendaftaran terbuka di pantai timur. Tujuan diadakan hari pendaftaran terbuka ini adalah untuk memberi penerangan dengan lebih jelas tentang program – program yang ditawarkan oleh UTMSPACE kepada umum.



PROGRAM SEMARAK RAMADHAN 2018.

Kelab Sukan dan Kebajikan UTMSPACE (KESUKEB) Johor Bahru telah menganjurkan Program Semarak Ramadhan sepanjang bulan Ramadhan. Beberapa acara telah dilakukan sepanjang bulan tersebut yang dimulakan dengan Program Tadarus Al – Quran yang telah bermula pada 20hb sehingga 28hb Mei 2018. Beberapa kumpulan tadarus telah diwujudkan berserta ketua dan ahli tadarus, untuk menghabiskan bacaan juzuk yang telah ditetapkan.

Manakala 24hb Mei 2018, telah berlangsungnya sesi gotong royong bagi penyediaan bubur lambuk bersama kakitangan UTMSPACE. Gotong royong pembuatan bubur lambuk telah dimulakan seawall jam 8.30 pagi dan bubur telah mula diagihkan pada jam 2.30 petang kepada semua kakitangan UTMSPACE Johor Bahru. Pada 28 Mei 2018 pula, Program Semarak Ramadhan 2018, juga telah diserikan dengan sesi ceramah agama oleh penceramah jemputan. Ia berlangsung di perkarangan ruang legar aras lima T 05 UTMSPACE. Manakala tabung derma bagi Tabung Aman Palestin telah diedarkan oleh ahli KESUKEB kepada seluruh kakitangan UTMSPACE Johor Bahru bagi tujuan menerima sumbangan ikhlas dari mereka. Manakala kaunter bagi pungutan zakat juga telah disediakan bagi tujuan memudahkan para kakitangan UTMSPACE untuk menunaikan kewajipan untuk membayar zakat firtah.



SIDANG RIDAKSI

Editor | MOHAMAD FAHMI B. AMAT EASAN Grafik | MARIA BINTI AHMAD
Fotografi | SYED MUHAMMAD HILMI BIN SYED YAHYA